

**POLISI HAK ASASI MANUSIA**

**DILULUSKAN**



---

Nama: Imran Salim  
Jawatan: Pengarah Urusan Kumpulan  
Tarikh: 02/10/2024

## KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN .....	4
2.0	SKOP .....	4
3.0	SENARAI SINGKATAN DAN DEFINISI .....	4
4.0	KOMITMEN .....	5
5.0	PELAKSANAAN .....	8
6.0	TANGGUNGJAWAB DAN PELAPORAN.....	10
7.0	SEMAKAN .....	12
	LAMPIRAN 1: Prinsip Hak Kanak-Kanak dan Perniagaan UNICEF.....	13

TSD/SSMN/II  
CG/AA/KN/SB

## SEJARAH SEMAKAN

Semakan	Tarikh Berkuatkuasa
0	03 Oktober 2024

## 1.0 PENGENALAN

Visi MRCB mengenai hak asasi manusia berasaskan maruah setiap manusia dan tanggungjawab syarikat untuk menyumbang kepada kesejahteraan individu dan komuniti tempatan. Melalui model pembangunan mampan<sup>1</sup>, MRCB mempromosikan pembangunan dan maruah manusia serta komited untuk mengintegrasikan SDGs dalam perniagaannya selaras dengan Agenda 2030 PBB.

Hak asasi manusia adalah hak, kebebasan, dan piawai perlakuan asas yang berhak diterima oleh semua orang. MRCB menjunjung dan menghormati hak asasi manusia seperti yang ditakrifkan oleh UDHR PBB melalui komitmen kami untuk menjunjung prinsip dan hak asasi UNGPs, UNGC, lapan konvensyen utama ILO<sup>2</sup>, dan UNCRC. Pendekatan kami dibimbing oleh inisiatif antarabangsa yang berpengaruh lain seperti Garis Panduan OECD untuk Syarikat Multinasional, ICESCR, dan ICCPR membimbing pendekatan kami.

Ini diperlihatkan di dalam nilai teras perniagaan kami dan dikawal oleh Kod Etika Perniagaan dan Polisi serta Garis Panduan Kumpulan kami. Di mana sekiranya implikasi negatif hak asasi manusia yang timbul daripada aktiviti perniagaan kami dikenal pasti, kami komited untuk memperbetulkan implikasi negatif tersebut.

## 2.0 SKOP

Komitmen kami menjangkau kepada semua individu di dalam lingkungan pengaruh kami yang merangkumi semua pekerja kami, pekerja yang tidak diambil bekerja secara langsung dalam operasi kami, pihak bersekutu, dan komuniti yang mengelilingi operasi kami. Kami juga komited untuk bekerjasama dengan pihak-pihak rakan sejawat dan rakan niaga<sup>3</sup> kami untuk menggesa mereka untuk menghormati hak asasi manusia seperti yang digariskan di dalam polisi kami dan menggalakkan mereka untuk mempunyai komitmen yang serupa dalam amalan perniagaan mereka.

## 3.0 SENARAI SINGKATAN DAN DEFINISI

CSD	Suruhanjaya Untuk Pembangunan Mampan
ECOSOC	Majlis Ekonomi dan Sosial
ICCPR	Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik
ICESCR	Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya
ILO	Organisasi Buruh Antarabangsa
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan

<sup>1</sup> Berdasarkan cadangan awal CSD PBB, dan garis panduan seterusnya yang disediakan oleh ECOSOC PBB.

<sup>2</sup> Merangkumi Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja, termasuk buruh paksa, buruh kanak-kanak, kebebasan berserikat—hak untuk berorganisasi dan perundingan kolektif, dan diskriminasi.

<sup>3</sup> Mana-mana pihak ketiga, bukan pekerja yang menyediakan produk atau perkhidmatan untuk MRCB atau mana-mana pihak ketiga yang bertindak bagi pihak atau untuk kepentingan MRCB.

Syarikat / MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad dan / atau mana-mana anak syarikatnya
UDHR	Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNCRC	Konvensyen Hak Kanak-Kanak PBB
UNGC	Kompak Global PBB
UNGP	Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

#### 4.0 KOMITMEN

- 4.1 Sebagai badan korporat yang bertanggungjawab, kami akan berusaha untuk memenuhi piawaian dan amalan yang konsisten dengan prinsip yang diiktiraf di peringkat antarabangsa<sup>4</sup> tertakluk kepada kekangan perlembagaan serta undang-undang dan peraturan negara dan wilayah tempat kami beroperasi. Apabila berhadapan dengan konflik antara norma tempatan dan antarabangsa dan / atau piawaian, kami bercita-cita untuk menegakkan piawaian yang lebih tinggi di mana mungkin.
- 4.2 Kami melarang dan tidak akan bertoleransi dengan perhambaan moden termasuk semua bentuk buruh paksa (termasuk buruh yang terikat dengan perjanjian-perjanjian tertentu) dan buruh kanak-kanak diamalkan di dalam MRCB dan kami bertegas terhadap pembekal-pembekal perkhidmatan kami untuk mematuhi Kod Etika Perniagaan (dokumen rujukan: Code of Business Ethics) kami dan lain-lain polisi berkaitan buruh yang sedang berkuatkuasa.
- 4.3 MRCB akan menghindari dari melanggar hak asasi manusia pihak lain dan akan menangani sebarang implikasi negatif hak asasi manusia yang mungkin terlibat. MRCB sentiasa berusaha untuk memastikan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Kenyataan Polisi ini disebarikan dan dilaksanakan di semua peringkat di Malaysia dan di luar negara di setiap negara di mana MRCB beroperasi.
- 4.4 Kami menghormati hak pekerja kami, pekerja yang diambil bekerja oleh pihak lain dalam operasi kami, dan komuniti kami, melalui komitmen kami yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada aspek / isu berikut:

##### a) Buruh Kanak-kanak dan Akses kepada Pendidikan

Buruh kanak-kanak adalah pekerjaan yang berbahaya dari aspek mental, fizikal, sosial, dan moral kepada kanak-kanak atau mengganggu pendidikan mereka dengan merampas peluang mereka untuk bersekolah. Kanak-kanak berhak mendapat peluang untuk belajar, membesar di dalam persekitaran yang selamat dan sihat, dan gembira. MRCB memainkan peranan penting untuk menangani

---

<sup>4</sup> Terkandung dalam Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa, Deklarasi ILO mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja dan hak asasi manusia lain yang terpakai seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian dan Piawaian antarabangsa.

risiko<sup>5</sup> ini serta meningkatkan akses kepada pendidikan terutama dalam komuniti yang terdedah. MRCB mematuhi Prinsip Hak Kanak-Kanak dan Perniagaan UNICEF. Kami mengakui bahawa hak kanak-kanak adalah hak asasi manusia, dan kami komited untuk menghormati, menyokong, dan melindungi hak-hak ini. Sila rujuk **Lampiran 1** untuk maklumat lanjut.

**b) Buruh Paksa, Pengambilan Pekerja yang Bertanggungjawab dan Penggajian Semasa**

Buruh paksa adalah sebarang kerja atau perkhidmatan yang dikenakan ke atas sesiapa di bawah ancaman sebarang hukuman dimana individu tersebut tidak menawarkan diri secara sukarela. Ia boleh terwujud dalam pelbagai bentuk seperti penyalahgunaan terhadap kelemahan yang ada, penipuan, sekatan pergerakan, pengasingan, keganasan fizikal dan seksual, intimidasi dan ancaman, penahanan dokumen identiti, penangguhan gaji, ikatan hutang, persekitaran hidup dan kerja yang tidak selamat dan kerja lebih masa yang berlebihan.

Kami tidak akan bertoleransi dengan amalan pengambilan pekerja dan pekerjaan yang menipu dan memaksa di dalam MRCB dan seluruh rangkaian perniagaan kami. Ini termasuk salah nyataan, maklumat salah, atau penggantian dalam terma dan syarat pekerjaan atau hak pekerja yang mereka tidak persetujuan seperti:

- a. pemotongan atau penahanan gaji tanpa persetujuan atau yang termaktub di dalam undang-undang negara;
- b. pembayaran dalam bentuk barang yang melebihi bahagian gaji pada kadar yang tidak munasabah
- c. dikehendaki bekerja lebih masa yang melampau atau tanpa bayaran gaji untuk membalas budi atau perkhidmatan atau untuk sebarang sebab lain;
- d. tidak boleh meninggalkan pekerjaan sehingga mereka melangsaikan hutang kepada mana-mana pihak atau sebelum tamat kontrak mereka, dan;
- e. sekatan yang tidak munasabah terhadap kebebasan bergerak dan berkomunikasi termasuk di luar tempat kerja dan tempat tinggal.

Kami mengamalkan proses pengambilan pekerja tanpa yuran (Zero-recruitment fee) dan komited untuk mencegah dan mengenal pasti sekiranya terdapat pekerja yang berada di dalam kitaran perniagaan kami yang dikawal, diasingkan, diancam, dan diintimidasi untuk dipaksa mengikut Konvensyen Buruh Paksa ILO dan Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa ILO atau mana-mana yang berkenaan.

MRCB memainkan peranan penting dalam membantu menangani isu ini – sebagai contoh dengan menggunakan pengaruh kami untuk mempromosikan

---

<sup>5</sup> Berkaitan dengan penderaan, eksploitasi, pemerdagangan dan semua bentuk keganasan terhadap dan penyiksaan kanak-kanak.

dan memastikan pemberian gaji yang adil<sup>6</sup> dan mengamalkan pengambilan pekerja yang saksama. Pendapatan semasa boleh menyumbang kepada pemenuhan secara langsung atau tidak langsung pelbagai hak asasi manusia yang asas bagi pekerja dan tanggungan mereka seperti yang dinyatakan dalam Artikel 25 UDHR. Ini termasuk tempat perlindungan yang selamat, makanan, air, dan sanitasi yang mencukupi, penjagaan kesihatan, pendidikan, pakaian, dan pengangkutan.

**c) Kebebasan Berpersatuan dan Rundingan Kolektif**

MRCB telah membina dan terus memupuk budaya yang berasaskan nilai-nilai kepercayaan, rasa hormat bersama, dan berdialog. Kami berhasrat untuk mempromosikan penambahbaikan secara berterusan aspek kondisi kerja pekerja, memberi perhatian khusus kepada menghormati hak mereka untuk menubuhkan dan menyertai organisasi pilihan mereka sendiri serta keterlibatan dalam rundingan yang membina.

Kami komited untuk menganjurkan dialog dan berunding dengan niat baik dengan pekerja kami dan wakil mereka<sup>7</sup>. Kami akan menetapkan cara untuk memudahkan hak-hak ini dan mencipta peluang untuk membincangkan perihal yang menjadi kepentingan bersama dan membolehkan kami melibatkan pekerja kami dalam aktiviti dan objektif perniagaan kami.

**d) Kesaksamaan Peluang dan Layanan, Tiada Diskriminasi dan Tiada Gangguan**

Semua individu<sup>8</sup> berhak bekerja dalam persekitaran yang bebas dari diskriminasi, keganasan, dan gangguan termasuk keganasan dan gangguan berasaskan jantina dan kelainan upaya. MRCB memahami nilai-nilai yang sesuai untuk tempat kerja kami dan rakan-rakan penyedia sumber bekalan berkaitan dengan perkhidmatan kami. Kami komited untuk membina tempat kerja di mana semua individu yakin bahawa sumbangan mereka akan diiktiraf dan juga merasa selamat untuk menyatakan pendirian diri. MRCB tidak akan bertoleransi terhadap diskriminasi dan semua bentuk gangguan dalam persekitaran kerja kami.

**e) Pembangunan Modal Insan**

Kami percaya bahawa pelaburan dalam latihan dan peningkatan kapasiti individu dan komuniti adalah adaptasi yang berkesan terhadap perubahan global, memupuk pembangunan mampan pada pelbagai peringkat dan pertumbuhan sosio-ekonomi keseluruhan. Ini termasuk memanfaatkan alat dan sumber digital baru untuk membantu pekerja dan pembekal kami meningkatkan kelestarian, menjunjung hak asasi manusia dan memperbaiki amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

---

<sup>6</sup> Pertimbangan terhadap amalan jurang gaji merentas petunjuk dan kedudukan kepelbagaian, serta penyediaan instrumen keselamatan sosial, faedah dan gaji lebih masa yang sesuai.

<sup>7</sup> Pada masa ini melalui persatuan dan jawatankuasa yang ditubuhkan di mana ahli dipilih.

<sup>8</sup> Tanpa mengira ciri yang termasuk antara lain, jantina, umur, kepercayaan, warna kulit, etnik dan ketidakupayaan.

MRCB komited untuk menyediakan peluang latihan, pembangunan kerjaya, dan kenaikan pangkat yang sama rata untuk semua pekerja kami.

**f) Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja**

Persekitaran kerja yang selamat dan sihat adalah sebahagian penting dari hak pekerja yang dilindungi di seluruh dunia. Keselamatan dan kesihatan pekerja kami, rakan-rakan perniagaan, dan komuniti tempat kami beroperasi adalah sangat penting bagi kami. Kami percaya bahawa menjaga orang ramai membantu membina dan mengekalkan tenaga kerja yang sihat dan bermotivasi yang menyokong tujuan perniagaan kami untuk mencipta impak positif kepada masyarakat.

Kami komited untuk melibatkan pekerja-pekerja dan pembekal kami dalam menetapkan piawaian dan latihan keselamatan dan kesihatan yang komprehensif, yang kritikal dalam mencapai sifar kematian dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat.

**g) Hak Tanah Orang Asal dan Komuniti Tempatan**

Kami menghormati hak penentuan nasib diri, termasuk hak Orang Asal berasaskan Kebebasan, Makluman Awal dan Telus atau Free, Prior and Informed Consent (FPIC). Hak penentuan nasib diri ini amat relevan kepada syarikat yang mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dan budaya serta menggunakan sumber kekayaan alam semulajadi. Melindungi hak Tanah Orang Asal adalah kritikal untuk menghapuskan penebangan hutan yang didorong oleh rantai bekalan, kejayaan penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan mencapai komitmen korporat yang lebih hebat dalam bidang alam sekitar dan sosial.

## **5.0 PELAKSANAAN**

- 5.1 Pengiktirafan kami terhadap hak asasi manusia merangkumi penglibatan langsung dan bermakna dengan pekerja-pekerja<sup>9</sup>, rakan-rakan niaga, pelanggan, dan komuniti. Kami sedar tentang wujudnya ketidakseimbangan kuasa dan akan terus berusaha untuk mengatasi cabaran-cabaran yang wujud.
- 5.2 Kami mengalukan maklum balas daripada individu dan wakil yang berpotensi atau telah terkesan oleh kawasan berisiko tinggi atau kebimbangan dan mengambil maklum balas pihak-pihak berkepentingan tersebut ke dalam program, keutamaan, dan penilaian risiko kami. Sebagai contoh, sekiranya kami benar-benar telah mengakibatkan atau menyumbang kepada kemudaratan dalam perniagaan atau kitaran perniagaan kami, kami komited untuk bekerjasama dengan wakil dan pembela hak asasi manusia untuk memaklumi dan memperbaiki pendekatan kami serta memastikan persekitaran yang selamat untuk pengemukaan maklum balas.
- 5.3 Di antara pihak-pihak berkepentingan hak asasi manusia kami termasuk pakar dan pengamal hak asasi manusia, pekerja-pekerja, pembekal, komuniti, kerajaan,

---

<sup>9</sup> Termasuk pekerja kontinjen.



masyarakat sivil, kumpulan pelbagai pihak berkepentingan, dan kumpulan keahlian. Kami mengkategorikan pihak berkepentingan dan wakil mereka yang berpotensi terkait berdasarkan mereka yang bekerja dalam kumpulan yang berisiko tinggi serta mereka yang mempromosikan amalan terbaik dalam hak asasi manusia berkaitan kumpulan yang kami kategorikan sebagai paling berisiko.

- 5.4 Pekerja di dalam rangkaian perniagaan kami tetap menjadi pihak berkepentingan utama dan oleh itu kami mengalu-alukan interaksi dan maklum balas daripada pekerja dan pembekal mereka secara berterusan. Akses kepada saluran pemberi maklumat dibuka kepada pembekal dan pekerja mereka atau sesiapa sahaja. Sila rujuk **Polisi Whistleblowing<sup>10</sup> MRCB** untuk maklumat lanjut mengenai proses pemberi maklumat kami.
- 5.5 MRCB komited untuk menjalankan usaha wajar hak asasi manusia di dalam setiap aktiviti syarikat kumpulannya. MRCB menilai dan memantau kebarangkalian dan implikasi sebenar berkait hak asasi manusia secara berterusan dan mengenal pasti strategi dan penyelesaian yang bersesuaian secara berterusan sebagai usaha untuk meningkatkan langkah pencegahan dan mitigasi kesannya.
- 5.6 Kami berinteraksi dan membimbing semua peringkat tenaga kerja MRCB melalui inisiatif kesedaran dan latihan dan mengeluarkan arahan khusus untuk membolehkan mereka memahami tanggungjawab mereka dalam menghormati hak asasi manusia dan memberi kuasa kepada mereka untuk menasihati dan menggalakkan pihak-pihak berkepentingan dan rakan-rakan niaga kami secara positif.
- 5.7 MRCB mempertimbangkan implikasi terhadap hak asasi manusia yang berpotensi terkait daripada aktiviti yang dijalankan oleh rakan-rakan niaga dalam pengurusan hubungan perniagaannya dan merencanakan langkah-langkah khusus berhubung perkara ini. MRCB mengharapkan rakan-rakan niaganya menghormati prinsip dan kandungan Kenyataan Dasar ini dan membuat segala usaha yang munasabah untuk menggubal obligasi kontraktual untuk menghormati hak asasi manusia ke dalam perjanjian mereka apabila bekerja untuk atau bersama-sama dengan MRCB.
- 5.8 MRCB akan melibatkan rakan-rakan perniagaannya di dalam langkah pencegahan dan mitigasi implikasi hak asasi manusia yang mungkin disebabkan oleh operasi, produk, atau perkhidmatan mereka, atau menyumbang kepada, atau yang terkait secara langsung.
- 5.9 MRCB menilai pembekal berdasarkan risiko dan melaksanakan proses yang bertujuan untuk mencegah implikasi hak asasi manusia yang berpunca daripada tindakan mereka. Sekiranya isu kritikal timbul, MRCB akan melaksanakan tindakan pembetulan dan memantau pematuhan terhadap komitmen yang diambil oleh pembekal dari masa ke masa.
- 5.10 MRCB akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kenyataan Dasar ini digubal ke dalam rangka kerja undang-undang dalaman Joint Ventures yang disertainya. Di mana posisi kedudukan MRCB

---

<sup>10</sup> Boleh diakses di laman web Syarikat: <https://www.mrcb.com.my/index.html>.

terhad<sup>11</sup>, MRCB akan mengambil segala usaha yang munasabah untuk menjamin bahawa dasar dan amalan Usahasama (Joint Ventures) sepenuhnya selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Kenyataan Dasar ini.

- 5.11 Sekiranya mutu pembekal atau rakan-rakan perniagaan lain berkait hak asasi manusia berada di bawah piawaian minimum MRCB, tindakan mengehadkan atau menghalang penyertaan mereka di dalam tender dan penamatan kontrak boleh dilaksanakan. Menyedari peningkatan kepentingan isu perhambaan moden dan pemerdagangan manusia dalam ekonomi global, MRCB komited untuk mengekalkan dan menambah baik amalannya untuk mengenal pasti dan memerangi pencabulan hak asasi manusia ini dalam kitaran perniagaan kami. MRCB juga menggesa supaya keperluan yang sama turut diselaraskan di dalam perkara melibatkan subkontrak.
- 5.12 Kami komited untuk memantau keberkesanan kami dalam melaksanakan Penyata Dasar ini dan untuk membangunkan, jika sesuai, penunjuk prestasi dan ukuran lain yang membantu dalam menentukan kemajuan kami.
- 5.13 Kami komited untuk melaksanakan semakan dan penilaian berkala untuk aktiviti perniagaan kami supaya boleh mengenal pasti implikasi positif dan negatif terkait hak asasi manusia, dan seterusnya untuk mengintegrasikan penambahbaikan langkah mitigasi ke dalam sistem kawalan dalaman kami di mana yang bersesuaian.
- 5.14 Kami mengekalkan penglibatan proaktif bersama pihak berkepentingan dalaman dan luaran yang berkaitan untuk lebih memahami dan seterusnya melaksanakan pendekatan terhadap isu dan kebimbangan berkait hak asasi manusia. Kami sentiasa berusaha untuk belajar dan berkongsi amalan yang baik melalui penglibatan dalam rangkaian tempatan dan antarabangsa.

## **6.0 TANGGUNGJAWAB DAN PELAPORAN**

- 6.1 Semua pihak bertanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia Penyeliaan Kenyataan Polisi ini diterajui oleh Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian (Sustainability Management Committee). Pelaksanaan dan pentadbiran Kenyataan Polisi ini adalah tanggungjawab pengurusan di setiap bahagian dan jabatan.
- 6.2 Laporan berhubung hak asasi manusia akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian (Sustainability Management Committee) secara berkala dan dikongsikan kepada pihak-pihak berkepentingan melalui Laporan Tahunan dan Laporan Kelestarian kami.
- 6.3 Di MRCB, prosedur aduan dan saluran whistleblowing<sup>12</sup> yang lengkap ada disediakan untuk semua pekerja dan pihak-pihak berkepentingan. Setiap pekerja MRCB diwajibkan untuk memaklumkan kepada pengurusan mengenai sebarang

---

<sup>11</sup> Sebagai contoh, dengan Usaha Sama yang tidak dikendalikan dan secara amnya di mana MRCB mempunyai tahap penyertaan yang rendah.

<sup>12</sup> Semua pemberi maklumat boleh melaporkan sebarang kes salah laku melalui E-Borang Whistleblowing MRCB, boleh diakses di laman web Syarikat <https://www.mrcb.com.my/other/whistle-blowing-policy.html>.

ketidapatuhan terhadap komitmen-komitmen yang terdapat dalam Kenyataan Polisi ini.

- 6.4 Mekanisme aduan dan lain-lain saluran untuk mengemukakan laporan disediakan di setiap peringkat syarikat, sama ada operasi mahupun kumpulan. Ini memberikan peluang kepada MRCB mengenal pasti dan menyiasat dengan segera kebarangkalian dan implikasi sebenar hak asasi manusia untuk diambil tindakan yang bersesuaian.
- 6.5 MRCB melarang dan menentang sebarang tindakan serangan balas terhadap pekerja dan pihak-pihak berkepentingan yang mengemukakan maklumat berhubung hak asasi manusia serta tidak bertoleransi atau bersekongkol kepada ancaman, intimidasi, tindak balas, atau serangan (fizikal dan undang-undang) terhadap pembela hak asasi manusia dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dengan operasi kami.
- 6.6 MRCB tiada halangan walau apa juga cara terhadap hak mendapatkan keadilan melalui kehakiman atau bukan kehakiman yang ada di dalam negara, kami sedia bekerjasama dan dengan iktikad yang baik menggalakkan penyelesaian melalui pendekatan alternatif.
- 6.7 MRCB komited untuk mengesahkan dan menyediakan, atau bekerjasama menyediakan, remedi sekiranya terdapat implikasi negatif terhadap hak asasi manusia yang mungkin telah disebabkan atau disumbangkan oleh kami, serta berusaha sedaya upaya untuk mencapai matlamat yang sama bagi perkara di mana kesan tersebut terlibat secara langsung dengan operasi, produk atau perkhidmatan kami.
- 6.8 Kami mencabar diri untuk terus memperbaiki mutu hak asasi manusia. Ini melibatkan pembinaan pengetahuan dalaman, keupayaan dan kemahiran untuk memajukan budaya menghormati hak asasi manusia di MRCB termasuk juga rakan-rakan perniagaan kami.
- 6.9 Perkara ini akan dikemukakan sebagai sebahagian daripada pengurusan prestasi pembekal sekiranya kami mendapati sebarang keraguan. Kami menyokong rakan-rakan perniagaan yang menyelesaikan implikasi negatif melalui proses pengurusan aduan mereka sendiri. Sekiranya ketidapatuhan terbukti, MRCB akan membuat keputusan berhubung tindakan yang akan diambil termasuk penamatan kontrak atau pemberhentian.
- 6.10 Dasar dan amalan khusus akan dibangunkan bagi memperkukuh dan melaksanakan komitmen kami<sup>13</sup> dengan berkesan untuk menghormati hak asasi manusia.

---

<sup>13</sup> Ini termasuk yang berkaitan dengan kemampuan alam sekitar, sumber mineral yang bertanggungjawab, kepelbagaian, ekuiti dan kemasukan, sumber manusia, privasi dan perlindungan data, kebolehcapaian, kesaksamaan kaum dan tanggungjawab rantaian bekalan.

## 7.0 SEMAKAN

Polisi ini akan disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan prinsip dan garis panduan yang dinyatakan di dalamnya tetap konsisten dengan prinsip panduan, rancangan strategik, Had Kuasa dan keperluan perniagaan MRCB.

## **LAMPIRAN 1: Prinsip Hak Kanak-Kanak dan Perniagaan UNICEF**

Prinsip Hak Kanak-Kanak dan Perniagaan UNICEF menggariskan kerangka kerja untuk melindungi hak kanak-kanak di dalam operasi perniagaan. MRCB komited untuk menyelaraskan amalan perniagaan kami dengan prinsip-prinsip ini yang mungkin berkembang dari masa ke masa. Kerangka kerja yang digariskan adalah menggesa untuk semua perniagaan supaya:

1. Memenuhi tanggungjawab mereka untuk menghormati hak kanak-kanak dan komited untuk menyokong hak asasi manusia kanak-kanak.
2. Menyumbang kepada penghapusan buruh kanak-kanak, termasuk dalam semua aktiviti perniagaan dan hubungan perniagaan.
3. Menyediakan pekerjaan yang layak untuk pekerja muda, ibu bapa, dan penjaga.
4. Memastikan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak dalam semua aktiviti dan kemudahan perniagaan.
5. Memastikan bahawa produk dan perkhidmatan adalah selamat dan berusaha menyokong hak kanak-kanak melaluinya.
6. Menggunakan pemasaran dan pengiklanan yang menghormati dan menyokong hak kanak-kanak.
7. Menghormati dan menyokong hak kanak-kanak berkaitan dengan alam sekitar dan pemerolehan serta penggunaan tanah.
8. Menghormati dan menyokong hak kanak-kanak dalam pengaturan keselamatan.
9. Membantu melindungi kanak-kanak yang terjejas oleh konflik bersenjata.
10. Memperkuat usaha komuniti dan kerajaan untuk melindungi dan memenuhi hak kanak-kanak.